



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 18 JANUARI 2021

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa pada hari ini bilangan kes sembuh COVID-19 adalah sebanyak **2,293 kes**. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sepenuhnya daripada COVID-19 adalah sebanyak **122,344 kes** (75.6 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Pada hari ini, 18 Januari 2021, negara kita melaporkan kes harian sebanyak 3,306 kes. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia sebanyak **161,740 kes**. Manakala, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 pula adalah 38,791 kes**. Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat tujuh (7) kes import yang mendapat jangkitan dari luar

negara, manakala penularan COVID-19 dalam negara pula adalah sebanyak 3,299 kes. Bagi kes penularan di dalam negara, 2,198 kes adalah warganegara Malaysia manakala 1,101 kes adalah bukan warganegara.

Selangor masih melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **1,213 kes (36.7 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **912 kes (75.2 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sabah sebanyak **432 kes (13.1 peratus)** dan Johor sebanyak **329 kes (10.0 peratus)**.

Sebanyak **107 kes (3.2 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di lokap, depot tahanan imigresen, dan penjara yang membabitkan Kluster Penjara Jalan Harapan (65 kes), Kluster Tembok Mempaga (35 kes), Kluster Tembok Nanas (4 kes), Kluster Damai Pelangi (2 kes), dan Kluster Pagar Siput (1 kes).

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

Sehingga kini, terdapat **226 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**, di mana **94 kes** memerlukan bantuan pernafasan.

Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan **empat (4) kes** kematian COVID-19 pada hari ini, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **605 kes (0.37 peratus daripada jumlah keseluruhan kes)**.

Ringkasan kes kematian hari ini adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (Warganegara)	Umur (tahun)	Hospital/ Tempat Kematian	Latar Belakang
602	120858	Sabah	Lelaki (WN)	77	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, hipertiroid, dan <i>Adrenal Insufficiency</i>
603	131052	Terengganu	Lelaki (WN)	91	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Penyakit kencing manis, jantung, buah pinggang kronik, dan gout
604	145018	Selangor	Perempuan (WN)	78	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi dan strok
605	156403	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, buah pinggang kronik dan penyakit hati kronik.

*WN merujuk kepada warganegara.

KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Sehingga 18 Januari 2021, terdapat sebanyak **660 kluster** telah dilaporkan termasuk **sembilan (9) kluster baharu** pada hari ini. Jumlah kluster yang telah tamat pula adalah sebanyak **361 kluster**, termasuk dua (2) kluster yang tamat pada hari ini di Sabah iaitu Kluster Mesra dan Kluster Samudera. Ini menjadikan jumlah kluster aktif yang dipantau adalah sebanyak **299 kluster**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **81 kluster** melaporkan pertambahan kes pada hari ini. Kluster-kluster yang melaporkan pertambahan kes baharu tertinggi adalah **Kluster Tapak Bina Muda (217 kes)**, **Kluster Tapak Bina Perdana Avenue (145 kes)**, dan **Kluster Tapak Bina Casuarina (76 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **sembilan (9) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER TAMAN TASIK SUNGAI CHUA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif

COVID-19 bermula pada 18 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah pasar raya. Nama kluster merujuk kepada kediaman kes-kes dalam kluster ini iaitu di Taman Tasik Sungai Chua, Kajang, Selangor. Sehingga 18 Januari 2021, sejumlah 147 individu telah disaring, di mana **60 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER KOMPLEKS SEGAMAHA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kinabatangan di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-152949) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 16 Januari 2021 hasil saringan di tempat kerja. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja ladang kelapa sawit di Kompleks Segamaha, Kinabatangan, Sabah. Sehingga 18 Januari 2021, sejumlah 250 individu telah disaring, di mana **58 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER JALAN BUKIT BENDERA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kota Kinabalu, Papar, dan Beaufort di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-125850) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah institusi awam yang terletak di Jalan Bukit Bendera, Kota

Kinabalu. Sehingga 18 Januari 2021, sejumlah 100 individu telah disaring, di mana **20 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN SURIA

Kluster ini melibatkan sebuah pusat perubatan swasta yang terletak di Jalan Suria, Johor Bahru, Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-157417) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 17 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 18 Januari 2021, sejumlah 686 individu telah disaring, di mana **24 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER TAPAK BINA JALAN NIPAH

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 18 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah tapak binaan di Jalan Nipah, Titiwangsa. Sehingga 18 Januari 2021, sejumlah 517 individu telah disaring, di mana **29 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER TAPAK BINA ERA DUTA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes bagi kluster ini telah dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 18 Januari 2021 hasil saringan bersasar di sebuah tapak binaan di Jalan Dutamas, Kepong. Sehingga 18 Januari 2021, sejumlah 420 individu telah disaring, di mana **20 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER PULAU LIMA

Kluster ini melibatkan daerah Pasir Puteh di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-135920) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 10 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks iaitu di Kampung Pulau Lima, Pasir Puteh, Kelantan. Sehingga 18 Januari 2021, sejumlah 27 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER JALAN TJ

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban di Negeri Sembilan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-127007)

merupakan seorang pekerja kilang yang telah dilaporkan positif COVID-19 pada 7 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kilang tersebut di Jalan TJ, Kawasan Perindustrian Tuanku Jaafar. Sehingga 18 Januari 2021, sejumlah 129 individu telah disaring, di mana **39 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER KAFE GENTING

Kluster tempat kerja ini melibatkan sebuah kafe pusat rekreasi di Genting Highlands, Bentong, Pahang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-118989) telah dilaporkan positif COVID-19 pada 3 Januari 2021 hasil saringan individu bergejala. Sehingga 18 Januari 2021, sejumlah 104 individu telah disaring, di mana **31 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI DAN RAKYAT MALAYSIA (PERMAI)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyambut baik pengumuman oleh YAB Perdana Menteri mengenai Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) sebagai inisiatif dalam memerangi wabak COVID-19 di Malaysia. Sejajar dengan usaha proaktif ini, beberapa perkara telah dilaksanakan bagi mengukuhkan sistem kesihatan negara

dalam usaha melicinkan lagi pengurusan COVID-19 di negara kita.

1. PENGURUSAN COVID-19 DI MALAYSIA

Sejajar dengan perkembangan maklumat terkini yang diperolehi mengenai COVID-19 sama ada di Malaysia atau di peringkat global, KKM sentiasa mengemaskini pengurusan kes COVID-19 di Malaysia. Bagi kes yang telah disahkan positif COVID-19, pengurusan kes boleh dilaksanakan di tempat kediaman berdasarkan penilaian awal yang dijalankan oleh petugas kesihatan COVID-19 *Assessment Centre* (CAC).

Kriteria kes positif COVID-19 yang dipertimbangkan untuk pengasingan diri di tempat kediaman adalah seperti berikut:

- a. Tidak mengalami sebarang gejala atau mengalami gejala ringan;
- b. Bukan daripada golongan berisiko tinggi, contohnya warga emas dan pesakit kronik;
- c. Mempunyai penjaga yang sesuai; dan
- d. Kesesuaian tempat kediaman bagi tujuan pengasingan diri.

KKM menasihati agar mana-mana individu yang telah dimaklumkan positif COVID-19 untuk **sentiasa berada di rumah dan boleh dihubungi setiap masa**. Berikut adalah

langkah-langkah yang perlu diambil oleh kes positif COVID-19 yang berada di rumah;

- a. Duduk di bilik yang berasingan daripada penghuni yang lain. Sebaik-baiknya bilik tersebut mempunyai kemudahan bilik air. Jika terpaksa berkongsi bilik air, bersihkan permukaan yang disentuh seperti tombol pintu, pili air, dan peralatan lain setiap kali selepas digunakan;
- b. Elakkan interaksi secara bersemuka dengan penghuni yang lain. Sekiranya tidak dapat dielakkan, pastikan kedua-dua pihak memakai pelitup muka;
- c. Laporkan status kesihatan terkini kepada petugas kesihatan atau melalui aplikasi MySejahtera setiap hari;
- d. Jika gejala bertambah teruk, hubungi COVID-19 *Assessment Centre* (CAC) atau Klinik Kesihatan yang terdekat atau hubungi talian 999 bagi kes kecemasan;
- e. Kerap cuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer*;
- f. Amalkan etika batuk yang betul iaitu menutup mulut dan hidung menggunakan tisu apabila batuk atau bersin;
- g. Buang tisu dan pelitup muka yang telah digunakan ke dalam bungkusan yang diikat sebelum dibuang ke dalam tong sampah serta segera mencuci tangan;
- h. Cuci peralatan yang digunakan untuk makan dan minum sebelum digunakan semula;

- i. Pastikan pengudaraan rumah yang baik dengan membuka tingkap; dan
- j. Tidak menerima pelawat.

Untuk makluman, kontak rapat kepada kes positif **perlu menjalani kuarantin** atau pengasingan sama seperti yang diamalkan sebelum ini. Keutamaan untuk menjalani ujian swab COVID-19 diberikan kepada mereka yang bergejala. Ini berikutan kemungkinan ujian swab COVID-19 tidak dapat dijalankan untuk semua kontak rapat khususnya di sesetengah daerah atau negeri yang mempunyai bebanan kes yang amat tinggi. Penekanan perlu diberikan kepada usaha mengasingkan semua individu yang terdedah kepada kes positif daripada menjangkiti individu lain. Kuarantin ini tertakluk kepada tempoh 10 hari dengan mengambilkira tahap kebolehjangkitan adalah sangat rendah selepas tempoh tersebut.

2. KERJASAMA KKM DAN HOSPITAL SWASTA

Kerajaan komited untuk mengukuhkan kerjasama di antara sektor kesihatan awam dan swasta dalam menangani pandemik COVID-19. Antara kerjasama yang telah dijalankan sepanjang pandemik ini adalah melalui inisiatif menggunakan perkhidmatan kesihatan di hospital swasta dan kerjasama ini akan terus dipergiatkan lagi.

Baru-baru ini, KKM telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan pemegang taruh hospital swasta termasuk Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) dan beberapa syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) untuk menentukan halatuju pengurusan pandemik COVID-19 negara.

Sukacita dimaklumkan bahawa hasil perbincangan tersebut, Kerajaan telah memperoleh komitmen daripada beberapa buah hospital swasta untuk menerima rujukan dan merawat pesakit COVID-19, bergantung kepada kapasiti dan kepakaran yang sedia ada. Sehingga kini, pihak APHM telah mengenal pasti sebanyak 1,138 buah katil termasuk 70 buah katil kritikal di 97 buah hospital swasta di seluruh negara.

KKM melalui CPRC Perkhidmatan Hospital dan Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) sedang memperhalusi mekanisma cadangan kerjasama ini dengan lebih lanjut bersama pihak APHM, Kementerian Kewangan Malaysia serta Bank Negara Malaysia dan segala perkembangan akan diumumkan dalam masa yang terdekat.

KKM berharap kerjasama dan usaha yang dijalankan oleh semua pihak ini akan dapat memutuskan rantai jangkitan dan penularan COVID-19 di negara kita.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

18 Januari 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 18 JANUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,213 (1)	48,046
SABAH	432	44,076
WP KUALA LUMPUR	250 (6)	18,377
JOHOR	329	13,701
NEGERI SEMBILAN	126	10,115
PULAU PINANG	145	6,292
PERAK	114	4,481
KEDAH	142	4,411
PAHANG	84	2,287
SARAWAK	100	2,211
KELANTAN	150	2,133
MELAKA	156	2,116
WP LABUAN	14	1,917
TERENGGANU	20	875
WP PUTRAJAYA	15	588
PERLIS	16	114
JUMLAH KESELURUHAN	3,306 (7)	161,740

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 3,306 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 18 Januari 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 1,213 kes**

- 552 kes daripada kluster-kluster, termasuk 60 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Taman Tasik Sungai Chua**;
- 360 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Satu (1) kes import dari luar negara; dan
- 300 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 432 kes**

- 37 kes daripada kluster-kluster, termasuk 17 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Kompleks Segamaha dan Kluster Jalan Bukit Bendera**;
- 307 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 88 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 329 kes**

- 119 kes daripada kluster-kluster, termasuk 19 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Suria**;
- 95 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 115 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 250 kes**

- 87 kes daripada kluster-kluster, termasuk 49 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Nipah dan Kluster Tapak Bina Era Duta**;
- 91 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Enam (6) kes import dari luar negara; dan
- 66 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 157 kes**

- 50 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- 71 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 36 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 150 kes**

- 45 kes daripada kluster-kluster, termasuk satu (1) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Pulau Lima**;

- 75 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 30 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pulau Pinang: 145 kes**
 - 38 kes daripada daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 45 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 62 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 142 kes**
 - Empat (4) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 66 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 72 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 126 kes**
 - 66 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan TJ**;
 - 19 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 41 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Perak: 114 kes**
 - 13 kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 63 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 38 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 100 kes**
 - 68 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 12 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 20 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 84 kes**
 - 46 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Kafe Genting**;
 - 29 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 20 kes**
 - 10 kes daripada kluster sedia ada;
 - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perlis : 16 kes**

- 11 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 15 kes**

- Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
- Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lapan (8) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: 14 kes**

- Tiga (3) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
- Enam (6) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Lima (5) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.